



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

PENGURUSAN BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2020

**ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BILANGAN 2 TAHUN 2020
(APP 2/2020)**

KANDUNGAN

APP 2/2020: PENGURUSAN BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2020

BIL.	PERKARA	M/S
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Pengurusan Belanjawan Kementerian Pertahanan	2
4.	Tanggungjawab Ketua Jabatan	3
5.	Penutup	4
6.	Tarikh Kuat Kuasa	4

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BILANGAN 2 TAHUN 2020 (APP 2/2020)

PENGURUSAN BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2020

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua Jabatan/Pengurus Program/Ketua Aktiviti/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan semua yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan tentang keperluan untuk menguruskan peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan Kementerian Pertahanan dengan lebih efisien, teratur, telus dan berakauntabiliti bagi mencapai matlamat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Pertahanan telah menerima peruntukan sebanyak RM15.58 bilion untuk Belanjawan 2020 yang merangkumi peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan. Jumlah ini mewakili 5.21% daripada keseluruhan belanjawan negara sebanyak RM299.02 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM1.66 bilion berbanding Belanjawan 2019 di mana Kementerian Pertahanan telah menerima sebanyak RM13.92 bilion atau 4.39% daripada keseluruhan belanjawan negara iaitu sebanyak RM316.55 bilion.
- 2.2 Di bawah Belanja Mengurus, Kementerian Pertahanan menerima peruntukan berjumlah RM12.5 bilion manakala peruntukan untuk Belanja Pembangunan adalah sebanyak RM3.08 bilion.
- 2.3 Selain itu, Kementerian Pertahanan juga telah menerima peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat (PRIHATIN) sebanyak RM100 juta.

3. PENGURUSAN BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 3.1 Mengambil kira kedudukan kewangan negara akibat penularan wabak Covid-19, semua Bahagian/Jabatan/Perkhidmatan di bawah Kementerian Pertahanan dikehendaki menyusun semula keutamaan program/aktiviti masing-masing supaya sejajar dengan agenda nasional. Ketua Jabatan diminta untuk merujuk kepada semua keputusan dan pemakluman yang dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan peruntukan yang telah diluluskan dibelanjakan secara optimum. Perbelanjaan hendaklah dilaksanakan secara berhemat dan telus supaya dapat mencapai *outcome* Kementerian.
- 3.3 Langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan boleh dilaksanakan melalui penekanan kepada strategi pelaksanaan semua program dan aktiviti yang telah **dirancang dengan segera dan teratur**. Perancangan perolehan adalah amat penting dalam pengurusan perolehan dengan tujuan bekalan/perkhidmatan/kerja yang diinginkan diperolehi dalam tempoh yang ditetapkan dan seterusnya perbelanjaan dapat dilaksanakan segera.
- 3.4 Ketua Jabatan perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan memastikan maklumat projek pembangunan sentiasa dikemaskini.
- 3.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan perolehan aset, perkhidmatan dan kerja mempunyai ciri-ciri *best value for money*.
- 3.6 Selaras dengan tujuan memastikan peruntukan penyelenggaraan dimanfaatkan sepenuhnya, Ketua Jabatan tidak dibenarkan menggunakan peruntukan tersebut bagi membiayai program atau

aktiviti lain melainkan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu. Dalam hal ini, Ketua Jabatan dikehendaki memantau proses perolehan alat ganti dengan rapi agar kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

- 3.7 Jika terdapat keperluan untuk melakukan pindah peruntukan atau *notice of change* (NOC), tindakan atau permohonan hendaklah dilakukan dengan segera terutamanya bagi permohonan yang melibatkan pertimbangan dan kelulusan pihak Kementerian Kewangan atau Unit Perancang Ekonomi.
- 3.8 Setiap PTJ kehendaki menyegerakan pembayaran ke atas bil bekalan dan perkhidmatan serta tuntutan yang sempurna tidak melebihi daripada 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima seperti yang dinyatakan pada Arahan Perbendaharaan 103.
- 3.9 Prestasi perbelanjaan akan dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta lain-lain forum yang bersesuaian tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa.
- 3.10 Ketua Jabatan dikehendaki **membuat pemantauan dan penilaian** terhadap prestasi perbelanjaan serta **membuat penyesuaian** ke atas program/aktiviti/projek mengikut keperluan semasa.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 Dalam membuat perbelanjaan, Ketua Jabatan perlu memberi penekanan kepada pematuhan terhadap peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa bagi memastikan isu-isu ketidakpatuhan dapat dielakkan.
- 4.2 Mana-mana pegawai yang didapati sengaja atau cuai dalam menjalankan tanggungjawab kewangan boleh dikenakan tindakan

berdasarkan peraturan/prosedur/tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

- 4.3 Ketua Jabatan perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan pengetahuan pegawai Kementerian Pertahanan dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkenaan pengurusan kewangan yang cemerlang untuk memastikan tugas dan tanggungjawab dalam kewangan dilaksanakan berdasarkan konsep *Competence, Accountability and Transparency (CAT)*.

5. PENUTUP

- 5.1 Arahan Pegawai Pengawal ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pegawai Pengawal Bilangan 1 Tahun 2020, semua Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia, garis panduan, tatacara dan prosedur kewangan serta arahan dalaman Kementerian Pertahanan yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pindaan dari semasa ke semasa.

6. TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Arahan ini mula berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MUEZ BIN AZIZ)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan

Tarikh: / Julai 2020